



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SAMBUTAN PERAYAAN THAIPUSAM ADALAH TERTAKLUK
KEPADA PEMATUHAN SOP YANG DITETAPKAN**

12 Januari 2022, Putrajaya – Bersempena dengan Perayaan Thaipusam yang akan disambut oleh masyarakat India di negara ini pada 18 Januari 2022, YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique telah membentangkan cadangan SOP Perayaan Thaipusam dalam Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 Bilangan 1 Tahun 2022 dan telah diluluskan.

2. Mesyuarat menetapkan SOP Perayaan Thaipusam dilaksanakan bermula pada **16hb hingga 19hb Januari 2022** dan hanya **upacara membawa Paal Koodam bermula awal pada 14hb hingga 19hb Januari 2022**.
3. **Aktiviti keagamaan sempena perayaan Thaipusam** adalah tertakluk kepada syarat-syarat nyata berikut:
 - a) Hanya **penerima vaksin lengkap sahaja dan berumur 18 tahun ke atas sahaja dibenarkan**;
 - b) **Penjarakan fizikal 1 meter dipatuhi**; dan
 - c) **Pemakaian pelitup muka diwajibkan**.

4. Manakala **aktiviti keagamaan yang lain** sempena Sambutan Perayaan Thaipusam tertakluk kepada syarat-syarat nyata berikut:

A. **Upacara sembahyang di kuil** dibenarkan dengan pematuhan SOP Perayaan Thaipusam seperti berikut:

a) Kehadiran penganut untuk **upacara sembahyang dari 16hb Januari hingga 19hb Januari 2022** adalah seperti berikut:

i. **Kuil Sri Subramaniar Swamy Temple Batu Caves, Selangor:**

- a. **tidak melebihi 6,000 orang setiap hari;**
- b. **12 sesi sembahyang setiap hari pada 16hb, 17hb dan 19hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 5.00 petang;**
- c. **18 sesi sembahyang setiap hari pada 18hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 11.00 malam;**
- d. **Setiap sesi sembahyang adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu; dan**
- e. **tidak melebihi 500 orang bagi setiap satu sesi.**

ii. **Empat (4) kuil iaitu:**

- 1. **Kuil Arulmigu Balathandayuthabani George Town, Pulau Pinang;**

2. **Kuil Nagarathar Thandayuthapani George Town, Pulau Pinang;**
3. **Kuil Ipoh Hindu Devastanam Paripalana Sabah (Kallumalai Sri Subramaniam Alayam), Perak; dan**
4. **Kuil Sri Subramaniyar Thevasthanam Paripalana Sabah Sungai Siput Perak.**
 - a. **tidak melebihi 3,000 orang setiap hari;**
 - b. **12 sesi sembahyang setiap hari pada 16hb, 17hb dan 19hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 5.00 petang;**
 - c. **18 sesi sembahyang setiap hari pada 18hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 11.00 malam;**
 - d. **Setiap sesi sembahyang adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu; dan**
 - e. **tidak melebihi 250 orang bagi setiap satu sesi.**

iii. **Kuil-kuil lain:**

- a. **tidak melebihi 500 orang setiap hari;**
- b. **12 sesi sembahyang setiap hari pada 16hb, 17hb dan 19hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 5.00 petang;**

- c. **18 sesi sembahyang setiap hari pada 18hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 11.00 malam;;**
 - d. **Setiap sesi sembahyang adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu; dan**
 - e. **tidak melebihi 50 orang bagi setiap satu sesi.**
- b) Aktiviti pemberian makanan/ minuman atau **majlis makan minum semasa di Kuil dan persekitaran** adalah **tidak dibenarkan**.

B. Perjalanan dan pergerakan kereta Chariot dibenarkan dengan pematuhan SOP Perayaan Thaipusam seperti berikut:

- a) **Ahli pengurusan Kuil sahaja** dibenarkan mengiring kereta Chariot dan wajib **mendaftar dengan pihak Pengurusan Kuil untuk mendapatkan tag kebenaran** menyertai perjalanan dan pergerakan kereta Chariot.
- b) Perjalanan dan pergerakan kereta Chariot perlu **mendapat kelulusan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM)**.
- c) Perjalanan dan pergerakan **mengiringi kereta Chariot** adalah mengikut ketetapan berikut:
 - i. **Kuil Sri Subramaniar Swamy Temple Batu Caves, Selangor:**
 - a. **Tidak melebihi 100 orang pengiring** yang terdiri daripada **pihak pengurusan kuil sahaja**; dan

- b. **Tidak melebihi 10 lokasi perhentian yang telah mendapat kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah**

- ii. **Empat (4) kuil iaitu:**

- 1. **Kuil Arulmigu Balathandayuthabani Geoerge Town, Pulau Pinang**
- 2. **Kuil Nagarathar Thandayuthapani George Town, Pulau Pinang**
- 3. **Kuil Ipoh Hindu Devastanam Paripalana Sabah (Kallumalai Sri Subramaniam Alayam), Perak; dan**
- 4. **Kuil Sri Subramaniyar Thevasthanam Paripalana Sabah Sungai Siput Perak.**
 - a. **Tidak melebihi 100 orang pengiring yang terdiri daripada pihak pengurusan kuil sahaja; dan**
 - b. **Tidak melebihi tujuh (7) lokasi perhentian yang telah mendapat kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah**

- iii. **Kuil-kuil lain:**

- a. **Tidak melebihi 50 orang pengiring yang terdiri daripada pihak pengurusan kuil sahaja; dan**
- b. **Tidak melebihi lima (5) lokasi perhentian yang telah mendapat kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah**

- d) Hanya pihak **Pengurusan Kuil** sahaja dibenarkan membuka sebuah khemah (saiz tidak melebihi 20' x 20') di setiap lokasi persinggahan Chariot yang diluluskan sebagai tanda hentian dengan pematuhan SOP seperti berikut:
 - i. **Warna khemah diseragamkan;**
 - ii. Setiap individu **diwajibkan mengimbas QR** (QR Code) MySejahtera atau **menulis secara manual** dalam buku pendaftaran yang disediakan serta mengimbas suhu badan dan **menggunakan hand sanitizer;**
 - iii. **Penjarakan fizikal 1 meter dipatuhi;** dan
 - iv. **Pemakaian pelitup muka diwajibkan.**
- e) **Kawalan perjalanan dan pergerakan penganut** perlu dikawal dan dipantau oleh **pihak pengurusan Kuil.**
- f) **Pemantauan** dilaksanakan oleh **Polis Diraja Malaysia** (PDRM), **Kementerian Perpaduan Negara** (KPN) dan **Pihak Berkuasa Tempatan** (PBT).

C. **Membawa Kavadi** adalah **tidak dibenarkan.**

D. **Membawa Paal Koodam (belanga berisi susu)** dibenarkan dengan pematuhan SOP Perayaan Thaipusam seperti berikut:

- a) **Pelaksanaan dibenarkan** bermula pada **14hb hingga 19hb Januari 2022** untuk Paal Koodam sahaja.
- b) **Had kehadiran** ditetapkan seperti berikut:

- i. **Kuil Sri Subramaniar Swamy Temple Batu Caves, Selangor;**
 - a. **Tidak melebihi 100 orang pada satu-satu masa; dan**
 - b. **Setiap sesi adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu.**
- ii. **Empat (4) kuil iaitu:**
 1. **Kuil Arulmigu Balathandayuthabani Geoerge Town, Pulau Pinang;**
 2. **Kuil Nagarathar Thandayuthapani George Town, Pulau Pinang;**
 3. **Kuil Ipoh Hindu Devastanam Paripalana Sabah (Kallumalai Sri Subramaniam Alayam), Perak; dan**
 4. **Kuil Sri Subramaniyar Thevasthana Paripalana Sabah Sungai Siput Perak.**
 - a. **Tidak melebihi 50 orang pada satu-satu masa; dan**
 - b. **Setiap sesi adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu.**
- iii. **Kuil-kuil lain:**
 - a. **Tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa; dan**
 - b. **Setiap sesi adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu.**

- c) Pihak Pengurusan Kuil hendaklah **menyediakan laluan khas** kepada pembawa Paal Koodam dan **pastikan tanda (marking) penjarakan 1 meter dapat dilihat dan dipatuhi sewaktu beratur** membawa Paal Koodam ke kuil.
- d) Pembawa Paal Koodam **diwajibkan membuat pendaftaran** dengan pihak Pengurusan Kuil terlebih dahulu dan diwajibkan **memakai tag** yang disediakan oleh pihak pengurusan kuil.

E. **Mencukur rambut** dibenarkan dengan pematuhan SOP KPDNHEP (Sektor Gunting Rambut)

F. **Upacara mandi ritual** dibenarkan di tempat yang disediakan oleh pihak pengurusan kuil.

G. **Gerai jualan kekal pihak pengurusan kuil** dibenarkan dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.

H. **Gerai jualan sementara dalam apa-apa bentuk untuk promosi atau jualan** dalam kawasan kuil atau luar kawasan kuil di tempat awam di luar kawasan kuil **adalah tidak dibenarkan**.

I. **Sumbangan makanan dan minuman percuma** (Thanir Phandal dan Anamthanam) adalah **tidak dibenarkan** di **sepanjang laluan perjalanan dan pergerakan kereta Chariot serta di luar dan di dalam kawasan kuil**.

5. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique juga menyeru masyarakat India di Malaysia untuk menyambut Perayaan Thaipusam ini dalam norma baharu, sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan, memakai pelitup muka, menjaga kebersihan diri, dan

memastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

6. Semoga Sambutan Perayaan Thaipusam pada tahun ini akan membawa permulaan kehidupan yang baik untuk semua penganut bagi menempuh tahun baharu 2022.

Kementerian Perpaduan Negara

12 Januari 2022

-TAMAT-